

Headline	MHL: Maybank terus cabar kedudukan TNB di puncak		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	20 Feb 2024	Language	Malay
Circulation	107,609	Readership	322,827
Section	Sukan	Page No	45
ArticleSize	423 cm <sup>2</sup>	Journalist	KHAIRULIDHAM
PR Value	RM 51,891		



# MHL: Maybank terus cabar kedudukan TNB di puncak

Oleh **KHAIRUL IDHAM MOHAMED ZARAAI**  
idham.zaraai@mediamulia.com.my

**KUALA LUMPUR:** Maybank terus garang mencabar pendahulu liga apabila mencatat kemenangan selesa 3-0 ke atas Liaoning Men's Team dalam aksi Liga Hoki Malaysia.

Dalam aksi di Stadium Hoki Nasional Bukit Jalil itu, Maybank mendahului seawal lima minit permainan menerusi jaringan Faridzul Afiq Mohd.

Maybank menunjukkan tarungnya lagi menerusi Muhajir Abdul Rauf hasil jaringan gol padang pada minit ke-14 sebelum tamat suku masa pertama.

Tiada jaringan dihasilkan sehingga Muhammad Najmi Farizal Jazlan merobek gawang Liaoning pada minit ke-60 menerusi penalti sudut sekali gus berkongsi 17 mata di belakang pendahulu liga, Tenaga Nasional Berhad (TNB).

Pengendali Maybank, Azrul Effendy Bistamam berkata, beliau belum berpuas hati dengan prestasi anak buahnya susulan keciiran mata Jumaat lalu.

"Selepas seri 2-2 lawan KL City, saya mengubah strategi kepada menyerang untuk mendapatkan lebih banyak jaringan.

"Walau bagaimanapun, saya yakin dengan prestasi mereka (Maybank), mereka mampu untuk kekal di tiga teratas sehingga penghujung musim," katanya.



**PASUKAN** Angkatan Tentera Malaysia (ATM) bertungkus lumus menghalang serangan bertali arus TNB dalam aksi Liga Hoki Malaysia 2024 di Stadium Hoki KPM, Kuala Lumpur. - UTUSAN/MUHAMAD IQBAL ROSLI

## LIGA LIGA HOKI MALAYSIA

### KEDUDUKAN

	P	M	S	K	J	B	MT
Tenaga Nasional Berhad	7	5	2	0	52	9	17
Maybank	7	5	2	0	32	6	17
Terengganu Hockey Team	6	5	1	0	24	9	16
Nurinsaf Sporting	7	5	0	2	19	16	15
UITM Ha-Kpt	6	4	0	2	21	11	12
TNB Thunderbolts	7	3	0	4	14	20	9
Liaoning Men's Hockey Team	7	2	0	5	12	27	6
ATM	7	2	0	5	14	35	6
Kuala Lumpur City	6	1	1	4	15	23	4
Young Elephants-Pahang	6	1	0	5	8	22	3
JM Antsbees	6	0	0	6	8	41	0

Dalam pada itu, TNB berpesta gol membelasah Angkatan Tentera Malaysia (ATM) 15-1 di Stadium Hoki KPM, semalam.

Selepas mencatat kemenangan besar itu, TNB selesa menjadi pendahulu liga 17 mata dan 51 jaringan gol keseluruhan.

Sementara itu, Pasukan Hoki Terengganu (THT) mencatat kemenangan kelima berturut-turut apabila membenam Young Elephants Pahang 5-1 di Stadium Hoki Nasional Bukit Jalil, semalam.